

# IUHB peruntuk RM20j wujud konsep e-kampus

Oleh JOHARDY IBRAHIM

SUBANG JAYA 6 Jan. — INTI Universal Holdings Bhd (IUHB), syarikat induk bagi Kumpulan Kolej-Kolej Antarabangsa INTI, memperuntukkan lebih RM20 juta untuk mewujudkan konsep e-kampus menjelang tahun 2010.

Pengarah Urusannya, Dr. Tan Yew Sing berkata, untuk merealisasikan wawasan tersebut, IUHB telah merangka dan melaksanakan pelan induk lima tahun dalam empat fasa.

Menurutnya, ia bertujuan bagi meluaskan peranan teknologi maklumat bukan sahaja dalam penyediaan pendidikan tetapi juga aspek operasi seperti pentadbiran dan komunikasi antara kampusnya.

Paling penting, ujar beliau, IUHB berharap untuk menawarkan kemudahan dan perkhidmatan menerusi kaedah elektronik yang akan menggalakkan ketelusan, kewibawaan keber-tanggungjawaban, serta menyediakan kaedah bagi pelajar dan kakitangan belajar mengurus diri sendiri.

Sebagai permulaan, katanya, IUHB akan memperkenalkan kad pintar di kampus-kampusnya iaitu kampus induk Nilai di Negeri Sembilan, Subang Jaya, Kuching, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang bermula bulan ini.

"IUHB melabur lebih lima juta untuk kad pintar bagi menggantikan fungsi catatan manual harian



DR. TAN Yew Sing (dua dari kiri) bertukar-tukar memorandum perjanjian dengan Hashim Mohd. Ali sambil disaksikan oleh Dr. Saw Sor Heoh dan Chan Shu Yue, di Subang Jaya semalam.

membabitkan ribuan pelajar dan pada masa yang sama, meningkatkan kapasiti untuk menawarkan lebih banyak perkhidmatan selaras dengan pertambahan bilangan pelajar," katanya.

Dr. Tan berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian dengan Forselab BNS (M) Sdn Bhd sebagai pembangun, pelaksana dan pengurus aplikasi kad pintar di kampus INTI di sini, hari ini.

IUHB diwakili oleh Dr. Tan dan Pengetua kampus INTI Subang Jaya, Dr. Saw Sor Heoh manakala For-

selab diwakili Pengerusinya, Tan Sri Hashim Mohd. Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif, Chan Shu Yue.

Dengan pemeteraian perjanjian itu, tiga inisiatif laman web utama dalam projek e-Kampus kini telah tersedia iaitu ePembelajaran, TCMS (Sistem Pengurusan Menyeluruh Kolej) dan Sistem Kad Pintar INTI.

Menurut Dr. Tan, fasa kedua membabitkan aplikasi seperti akses masuk dan kawasan letak kereta, bilik, makmal dan sebagainya akan dilaksanakan pada April depan.

"Ciri paling menarik ialah aplikasi e-purse atau kad tunai yang menyediakan kemudahan pembelian dan urusan tanpa tunai di dalam kampus kepada pelajar dan kakitangan," katanya.

Sementara itu, Chan berkata, apabila sistem e-kampus itu dilaksanakan sepenuhnya, Sistem Kad Pintar INTI akan memiliki semua alat teknologi bagi menyokong dan memudahkan operasi INTI dan meningkatkan kapasiti dan kemampuannya dalam menyediakan pendidikan berkualiti serta perkhidmatan.